



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

USAHA MENINGKATKAN LIPUTAN DAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI DI DUN SLIM

Pembinaan dua menara baharu, cadangan penambahan lima lagi menara serta penaiktarafan 25 alat pemancar di menara sedia ada kepada perkhidmatan 4G bakal memberi perkhidmatan telekomunikasi yang lebih baik kepada penduduk di kawasan DUN Slim. Ini merupakan usaha berterusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk meningkatkan liputan dan kualiti telekomunikasi di kawasan luar bandar agar rakyat dapat menyesuaikan diri dengan amalan norma baharu yang menjurus kepada budaya hidup digital.

Dua menara baharu di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) sedang dilaksanakan di Risda Changkat Sulaiman dan Changkat Serunai. Kedua-dua menara tersebut dijangka akan mula beroperasi menjelang suku kedua tahun 2021. Lima lagi menara baharu perkhidmatan 4G turut dirancang, manakala 25 alat pemancar di menara sedia ada juga dicadang untuk proses naik taraf daripada perkhidmatan 3G kepada perkhidmatan 4G. Di FELDA Besout, sebuah alat pemancar di menara sedia ada telah dinaik taraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G pada suku pertama tahun 2020.

Untuk perkhidmatan jalur lebar tetap, sebanyak 851 premis yang menggunakan rangkaian jalur lebar tembaga (*copper*) sedia ada akan dinaik taraf kepada rangkaian jalur lebar gentian optik yang boleh menyokong perkhidmatan internet berkelajuan tinggi sehingga 1Gbps. Inisiatif penaiktarafan yang akan dilaksanakan oleh Telekom Malaysia Berhad ini dijangka siap menjelang suku pertama tahun 2022.

Terdapat tujuh Pusat Internet yang dibina oleh MCMC di bawah peruntukan PPS di kawasan DUN Slim. Lima daripadanya beroperasi di FELDA Besout 1-5, manakala setiap satu daripadanya masing-masing di Trolak Utara dan Trolak Selatan.

Saya yakin bahawa pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dapat meningkatkan liputan dan kualiti capaian Internet di Slim sekaligus membolehkan penduduk setempat di sini mendapat manfaat secara menyeluruh serta meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka.

Saya juga sedar masih terdapat keperluan untuk menaiktaraf perkhidmatan telekomunikasi di beberapa tempat di DUN Slim terutamanya di kawasan pedalaman. Justeru, usaha untuk menambah baik liputan telekomunikasi dengan pembangunan infrastruktur sedang giat diteruskan.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

19 OGOS 2020